

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

Vatican dikritik kerana kondom  
19. Apr 2009  
Kosmo Ahad  
Semasa  
40000  
200000

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color  
AdValue

MALAY  
51  
336 cm2  
Daily  
One Spot Color  
2660.48



## Vatican kerana kondom

ULASAN tentang isu HIV/AIDS dan kondom oleh Pope Benedict XVI dalam perjalanannya ke Afrika bulan lalu telah membuatkan ramai pihak tidak berpuas hati lalu melemparkan kritikan terhadap Gereja Katolik.

Sebagai hujah balas, pihak Vatican mempertahankan pandangan Pope Benedict yang menyatakan bahawa kondom bukan penyelesaian kepada epidemik AIDS yang melanda Afrika, malah boleh membuatnya lebih teruk.

Pope walau bagaimanapun berkata, strategi terbaik adalah usaha gereja mempromosi tanggungjawab seksual melalui kawalan diri dan monogami.

Perancis, Jerman, Belgium dan agensi AIDS Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dan jurnal perubatan Britain, *The Lancet*, menganggap kata-kata Pope itu sebagai tidak bertanggungjawab dan berbahaya.

Duta Belgium telah memfailkan protes dan menyeru kerajaannya membuat bantahan rasmi terhadap Vatican, namun Sekretariat Vatican segera membuat keaman balas terhadap usul tersebut.

"Pandangan Pope Benedict kepada wartawan telah digunakan oleh kumpulan tertentu dengan tujuan yang jelas untuk menghina. Ia seolah-olah menghalang Pope daripada bercakap ba-

gi pihak dirinya tentang isu-isu yang bersangkutan-paut dengan soal moral yang seialiran dengan ajaran 'doktrin gereja,' ujar jurucakap gereja.

Vatican turut mempertahankan Pope dengan mengatakan bahawa kritikan ramai itu disensasikan lagi dengan siri kempen media di Eropah mengenai kebaikan kondom dalam mencegah penularan HIV/AIDS.

Pada masa yang sama, mesej Pope tentang sikap bertanggungjawab dan perhatian yang perlu diberi kepada mangsa AIDS tidak diambil peduli.

"Vatican menjawab kritikan ini dalam cara yang seimbang, jelas dan tegas. Kami ingin menyatakan bahawa pihak gereja tidak melihat protes ini sebagai satu halangan untuk terus menyampaikan pendirian kami tentang isu moral," kata jurucakap Vatican, Federico Lombardi.

John Wauck, seorang profesor kosusasteraan dari Universiti Pontifical Santa Croce di Rome, Itali mengingatkan orang ramai tentang usaha pihak Vatican dalam membantu mangsa HIV/AIDS di negara serantau.

"Saya juga pelik, kritikan ini tidak datang dari Afrika tetapi di Barat. Orang Afrika yang mendengar ulsan Pope itu langsung tidak berkata apa-apa, tetapi kemarahan datang dari Brussels pula," ujarnya.



Pandangan Pope Benedict kepada wartawan telah digunakan oleh kumpulan tertentu dengan tujuan yang jelas untuk menghina

